PIAGAM PELANGGAN/ AKU JANJI PRODUKTIVITI
PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR

Kami warga kerja Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) dengan penuh komited, berikrar untuk menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan sepertimana yang diamanahkan kepada kami dalam memelihara Adat Melayu, Budaya dan Warisan Negeri Selangor dengan memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan serta menepati kemahuan dan keperluan pelanggan kami.

Ke arah ini, kami menghargai hak pelanggan kami sebagaimana yang berikut:

Mengadakan pameran bagi memberi kesedaran dan mendidik masyarakat umum tentang sejarah, budaya dan warisan negeri:

Pameran Khas dengan minima dua (2) pameran setahun

Pameran Luar dengan minima lima (5) pameran setahun

Melaksanakan urusan-urusan berkaitan pengurusan koleksi/artifak:

Menguruskan pinjaman koleksi jabatan dengan minima dua puluh (20) permohonan setahun

Memberikan khidmat rundingan bagi penyelidikan sejarah, seni, budaya dan warisan Selangor:

Menerima permohonan khidmat rundingan bagi penyelidikan dengan minima 12 permohonan setahun

Mengemaskini kandungan portal jabatan dengan minima empat (4) kali sebulan

Menyelaras dan mengendalikan semua maklumbalas pelanggan yang diterima:

Maklumbalas aduan diambil tindakan dalam tempoh 14 hari bekerja

Maklumbalas permohonan lawatan berpandu dijawab dalam tempoh lima (5) hari bekerja

Mengadakan persembahan kesenian dan kebudayaan negeri:

Menyertai persembahan kesenian dan kebudayaan dengan minima 30 persembahan setahun

:: KEPUASAN ANDA KHAZANAH KAMI ::